

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 JANUARI 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Dana Pengkomersilan Bioteknologi bernilai RM100 juta dilancar	Berita Harian
2.	MIDF collaborates with Bioeconomy Corp on new fund	The Star

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 25
TARIKH : 16 JANUARI 2017 (ISNIN)**

Dana Pengkomersilan Bioteknologi bernilai RM100 juta dilancar

→ Peruntukan bantu syarikat berasaskan bio perluas perniagaan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) melancarkan Dana Pengkomersilan Bioteknologi (BCF) berjumlah RM100 juta bagi membantu syarikat berasaskan bio mengembangkan perniagaan mereka.

Dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), dana itu disediakan menerusi pinjaman mudah bagi menampung keperluan pembiayaan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat matang dalam industri berasaskan bio.

Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF) dilantik sebagai rakan kongsi strategik bagi menguruskan dana itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata BCF membuktikan komitmen dan tumpuan berterusan kerajaan untuk membangunkan sektor berasaskan bio, di samping mengukuhkan prasarana kewangan

dan pembiayaan bagi memperkasakan lebih banyak syarikat berasaskan bio.

Beliau berkata, kadar faedah rendah dan melanjutkan tempoh penangguhan bagi pembayaran semasa akan memudahkan pembayaran balik hutang oleh pemohon.

"Kerajaan mengambil kira yang syarikat berasaskan bio memerlukan tempoh matang lebih lama dalam perniagaannya. Justeru, BCF akan menawarkan kadar manarik sehingga lima peratus faedah, dan sehingga 18 bulan tempoh lanjutan bagi pembayaran balik untuk meringankan bebanan, katanya dalam satu kenyataan.

Madius Tangau berkata, 30 hingga 50 syarikat dijangka menerima bantuan pinjaman mudah pada akhir 2020.

Utama syarikat BioNexus

Katanya, keutamaan akan diberikan kepada syarikat berstasis BioNexus serta syarikat berasaskan bio lain yang terbabit dalam Program Transformasi Bioekonomi dan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi.

Sementara itu, Pengurus Bioeconomy Corporation, Tan Sri Zakri Abdul Hamid, berkata pinjaman BCF ditawarkan menerusi dua skim untuk menampung pelbagai keperluan syarikat berasaskan bio.

Katanya, Skim Sokongan Perniagaan adalah bagi modal kerja sehingga RM600,000 bagi setiap permohonan, manakala Skim Pembangunan Bioekonomi adalah bagi pertumbuhan dan pengem-



Madius ketika majlis pelancaran Dana Pengkomersilan Bioteknologi berjumlah RM100 juta di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, kelmarin.

Fakta nombor

50 SYARIKAT

dijangka terima bantuan pinjaman mudah pada akhir 2020

bangun sehingga RM3 juta bagi setiap permohonan.

"Skim ini boleh menyumbang kepada kemapanan jangka panjang perniagaan yang dimiliki oleh syarikat berasaskan bio, yang mana adalah kunci bagi membangunkan bioekonomi yang berjaya dan kompetitif dalam negara," katanya.

Sementara itu, dalam satu kenyataan berasingan, MIDF berkata, sebagai rakan kongsi strategik, ia

bertanggungjawab bagi kelulusan dan pengagihan dana kepada syarikat berasaskan bio yang dikemukakan Bioeconomy Corporation, dan kemudian menyelia akuan sehingga selesai pembayaran.

Pada 2012, MIDF dilantik sebagai rakan kongsi penyumberan luar untuk menguruskan dana yang dilancarkan oleh Bioeconomy Corporation yang sebelum itu dikenali sebagai BiotechCorp.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NEWS) : MUKA SURAT 07
TARIKH: 16 JANUARI 2016 (ISNIN)

MIDF collaborates with Bioeconomy Corp on new fund

KUALA LUMPUR: Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF) has been appointed as a strategic partner by Bioeconomy Corp to manage the newly launched Biotechnology Commercialisation Fund (BCF).

BCF is a hybrid scheme of grant and soft loan amounting to RM100mil, said MIDF in a statement.

BCF is also a continuation of the Biotechnology Commercialisation Grant (BCG) introduced under the Ninth Malaysia Plan.

The fund's aim is to support and help catalyse commercialisation activities in the nation's bio-based industry.

MIDF said the BCF's role is to assist the bio-based companies in their working capital requirement for the purchase of raw materials, stocks, and consumables used in the business operations with a minimum financing limit of RM100,000.

The BCF can also be used to cover legal fees, processing fees, and stamping fees disbursed in the form of grants.

As strategic partner, MIDF would be responsible for the approval and disbursement of funds to the bio-based companies referred by Bioeconomy Corp, and thereafter supervising the accounts until full repayment.

In 2012, MIDF was appointed as the outsourcing partner to manage the fund launched by Bioeconomy Corp, then known as BiotechCorp.

The BCF application priority is given to BioNexus status companies, as well as companies involved in the Bioeconomy Transformation Programme (BTP) and Bioeconomy Community Development Programme (BCDP) projects.

The Government took into consideration the long gestation period required by bio-based companies in its businesses by offering the BCF with an attractive rate of up to 5% interest, and up to 18 months grace period to ease the burden of repayment.

The BCF is offered through two schemes, namely the Business Sustenance Scheme which is a soft loan for working capital of up to RM600,000 per application, and the Bioeconomy Development Scheme, a soft loan for growth and expansion of up to RM3mil per application.